



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
Y A Y A S A N  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	12 APRIL 2016

# Dulu Dr. Mahathir tidak begitu...?

UM - 12/4/2016

## ANALISIS

Oleh ZULKIFLI JALIL

pengarang@utusan.com.my

**SEMASA** pentadbiran Tun Dr. Mahathir Mohamad selama 22 tahun, beliau seolah-olah mahaguru dalam politik antarabangsa.

Beliau tahu bila, di mana dan bagaimana untuk memastikan Malaysia boleh menjadi suara dunia ketiga dan dalam masa sama tidak membahayakan ekonomi negara.

Tetapi sekarang mengapa Dr. Mahathir sudah berubah sehingga sanggup meminta campur tangan pihak asing untuk menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Kita tidak percaya apabila Dr. Mahathir dalam wawancara bersama *The Weekend Australian* yang merujuk kepada isu menurunkan Najib, berkata: "Jadi sekarang kita kena beri laluan kepada campur tangan asing dalam urusan domestik kita."


Ke mana hilangnya aura seorang pemimpin yang pernah mengetuai sebuah negara membangun bersuara lantang, berprinsip dan sentiasa berani menolak campur tangan kuasa asing terhadap isu dalaman Malaysia?

Bukankah Dr. Mahathir sentiasa diingati sebagai pemimpin yang mempunyai keupayaan menewaskan hampir kesemua musuh politik negara di peringkat antarabangsa - daripada Margaret Thatcher, Paul Keating, Al Gore, George Soros hingga kepada jutawan media seperti Rupert Murdoch dan pengarang utama Britain, Andrew Neil?

Pasti rakyat Malaysia tidak lupa, dua bulan selepas Dr. Mahathir memegang jawatan Perdana Menteri sekitar 1981, berlaku serangan mengejut ke atas Bursa Saham London. Malaysia (melalui PNB) mengambil alih Guthrie Corporation.

Apa yang dipanggil sebagai serangan waktu subuh itu memaksa Britain mengubah undang-undang bersangkut paut jual beli saham di bursa Saham London.

Seluruh dunia memerhati dengan teruja kejutan Dr. Mahathir ke atas Britain. Setahun kemudian Dr. Mahathir mengumumkan



SALLEH SAID KERUAK

**Bukankah Dr. Mahathir sentiasa diingati sebagai pemimpin yang mempunyai keupayaan menewaskan hampir kesemua musuh politik negara di peringkat antarabangsa - daripada Margaret Thatcher, Paul Keating, Al Gore, George Soros hingga kepada jutawan media seperti Rupert Murdoch dan pengarang utama Britain, Andrew Neil?**

dalam Perhimpunan Agung UMNO akan hasratnya untuk mengambil kembali Carcosa Seri Negara yang masih di bawah kerajaan Britain masa itu.

Rakyat disediakan dengan psikologi bahawa Malaysia telah bersedia untuk keluar dari kerendahan diri dan terhutang budi kepada bekas penjajah, British.

Serangan ke atas Bursa Saham London seolah-olah strategi awal Dr. Mahathir menyediakan minda rakyat ke arah yang lebih global.

Pada 1983, Dr. Mahathir mengejutkan Britain dengan dasar *Buy British Last*. Bayangkan selepas sebuah syarikat milik negara kecil seperti Malaysia mengambil alih sebuah syarikat perladangan Britain, ia kemudian mengisytiharkan



DR. MAHATHIR MOHAMAD

dasar *Buy British last*.

Tempoh pemerintahan Dr. Mahathir menyaksikan pertembungan yang 'sentiasa menang' beliau ke atas kuasa asing.

Pada 1986, Dr. Mahathir menghalau dua orang wartawan *Asian Wall Street Journal* kerana memburuk-burukkan Malaysia.

Dr. Mahathir ketika itu telah bersedia dengan dasar pandang ke Timur melihat dengan tanpa pelaburan Amerika, Malaysia masih mampu membangun pesat dengan pelaburan dari Jepun.

Beberapa tahun kemudian, *The Times* dengan tajuk *Sayonara America* memberi fokus bagaimana Amerika Syarikat telah menghadapi kerugian besar kerana membiarkan Jepun menguasai pelaburan di Malaysia.

Berbanding Nehru dan Sukarno yang memilih untuk menjadi kurang senang dengan Amerika atau kuasa Barat, Dr. Mahathir adalah sebaliknya.

Beliau tidak mahu menjadi pak turut Amerika seperti Jepun dan juga anti Barat seperti Sukarno. Dr. Mahathir mengamalkan dasar diplomatik pragmatik.

Provokasi campur tangan kuasa asing terhadap Malaysia umpama formula kepada kerajaan pimpinan Dr. Mahathir untuk mempertahankan kewibawaan negara dan rakyat Malaysia di mata dunia sehingga mampu mentadbir selama 22 tahun.

Namun, kenapa beliau tiba-tiba buat pusingan U, seperti mana dipersoalkan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak, dengan 'menjemput' pihak asing untuk campur tangan dalam urusan negara.